MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI SELASA : 28 MAC 2023

NO SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status, impak dan statistik terkini syarikat-syarikat yang diwujudkan di bawah universiti-universiti awam di Malaysia.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Universiti Awam (UA) dengan kelulusan YB Menteri Kewangan dibenarkan untuk menubuhkan anak syarikat dengan objektif untuk menjana pendapatan kepada pihak universiti melalui pembayaran dividen oleh syarikat.

2. Sehingga 1 Mac 2023, **status dan statistik terkini** berkaitan anak syarikat yang diwujudkan di bawah 20 UA di Malaysia adalah seperti berikut:

   i. jumlah keseluruhan anak syarikat yang ditubuhkan oleh UA adalah 127 buah syarikat, yang terdiri daripada 27 buah syarikat induk (*holdings*) dan 100 buah syarikat subsidiari. Terdapat 18 buah syarikat subsidiari yang tidak aktif dan berstatus dorman;

   ii. jumlah keseluruhan modal pelaburan UA adalah sebanyak RM484.34 juta;

   iii. antara aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat UA adalah melibatkan sektor perkhidmatan, pendidikan, kesihatan dan hartanah;

iv. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) mencatatkan bilangan tertinggi penubuhan anak syarikat iaitu 16 buah syarikat dengan modal pelaburan sebanyak RM32 juta (1 syarikat holdings dan 15 syarikat subsidiari, 4 daripadanya adalah dorman);

v. secara purata dalam tempoh 5 tahun (2017-2021) terdapat 15 syarikat holdings mencatat keuntungan bersih dan 12 syarikat holdings mencatat kerugian bersih.

3. Selaras dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Ahli Lembaga/ Gabenor Universiti termasuk Naib Canselor akan mempergiat pemantauan prestasi anak syarikat serta melaksanakan penambaikbaikan garis panduan dan pematuhan tadbir urus syarikat oleh anak-anak syarikat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SERUANDI BIN SAAD**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional di sebalik keperluan peniaga trak makanan (*food truck*) diwajibkan menjalani pemeriksaan berkala setiap enam bulan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer yang turut dikenakan caj sebanyak RM60 serta adakah Kementerian bersedia bagi menampung kos ini bagi peniaga yang tidak berkemampuan.

NO SOALAN: 12

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Trak Makanan atau *Food Truck* adalah sejenis kenderaan motor yang dibina atau diubah suai untuk kegunaan membawa barangan dan dijadikan sebagai gerai mudah alih bagi tujuan perniagaan makanan. Kenderaan *Food Truck* ini tertakluk kepada fi Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) di bawah Jadual Keempat Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, sebagaimana kenderaan-kenderaan perdagangan lain yang berdaftar di Malaysia.

2. Seperti ketetapan di dalam Kaedah 4, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pemeriksaan Berkala, Kelengkapan dan Standard Pemeriksaan) 1995, setiap kenderaan perdagangan adalah diwajibkan untuk menjalani Pemeriksaan Berkala di PUSPAKOM mengikut kekerapan yang ditetapkan bagi jenis-jenis kenderaan perdagangan. Ketetapan ini mengambil kira bahawa kenderaan perdagangan termasuk kenderaan barangan adalah merupakan kenderaan motor yang akan kerap digunakan di atas jalan dan membawa muatan perniagaan. Bagi menjamin aspek keselamatan dan *road-worthiness* kenderaan tersebut, kenderaan terbabit diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan secara berkala.

3. Dalam hal ini, kenderaan *food truck* perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan bagi memastikan kenderaan tersebut sentiasa berada pada tahap piawaian yang ditetapkan undang-undang di samping menjamin keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

4. Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tiada sebarang perancangan mahupun peruntukan kewangan bagi mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat untuk menampung kos pemeriksaan berkala terlibat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti tarikan-tarikan pelancong baharu di Sarawak yang berpotensi bukan sahaja menarik pelancong dari dalam mahu pun dari luar negara malah dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitarnya.

NO SOALAN: 13

JAWAPAN

YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tourism Malaysia selaku agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa mengambil inisiatif untuk meneroka produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai destinasi kunjungan pelancong-pelancong domestik atau antarabangsa di Malaysia secara amnya dan Sarawak khususnya.

2. Sarawak sememangnya terkenal dengan produk-produk pelancongan berasaskan *eco adventure, nature*, dan budaya yang berpotensi menarik minat para pelancong seperti Air Terjun Susung dan Air Terjun Pean di Padawan, Kuching, Air Terjun Tekiwit di Long Selaan dan Air Terjun Three Sister di Long San. Sarawak juga telah berjaya mendapatkan pengiktirafan Bandar Raya Kuching, Sarawak sebagai salah sebuah Bandar Raya Kreatif di peringkat UNESCO di bawah kategori gastronomi pada 16 November 2021.

3. Selaras dengan pengiktirafan Delta Sarawak sebagai Delta Geopark Kebangsaan pada 23 Jun 2022, Tourism Malaysia melalui Pejabat Penyeliaan TIC Sarawak sedang dalam peringkat perbincangan bersama-sama agensi kerajaan negeri, agensi persekutuan, persatuan pelancongan dan masyarakat setempat bagi membangunkan pakej Sarawak Delta National Geopark. Kawasan delta ini dikenal pasti

mempunyai kepelbagaian biodiversiti dengan spesis endemik di Borneo seperti orang utan, *proboscis monkey*, cicak batu *fairy* (Fairy Rock Gecko) serta kekayaan warisan budaya yang terdiri dari seni bina, peralatan muzik, senjata dan makanan yang terhasil dari kewujudan masyarakat berbilang kaum dan etnik. Pakej ini akan menerapkan elemen pelancongan eko, pendidikan, pelancongan sukarelawan (*voluntourism*) yang turut memberi faedah kepada sosio-ekonomi masyarakat setempat. Antara yang berpotensi untuk dipromosikan adalah Paku Rock Maze di Daerah Bau dan Pulau Talang di Daerah Lundu.

4. Sebagai elemen nilai tambah kepada pakej-pakej pelancongan sedia ada, Tourism Malaysia juga bercadang untuk membangun laluan sejarah (*heritage trails*) di Bahagian Kuching. Laluan ini akan menerokai sejarah Sarawak, gastronomi serta pembuatan kraftangan seperti keringkam dan songket.

5. Bagi segmen minat khas (*niche market*) beberapa produk yang berpotensi untuk dipromosikan ke peringkat antarabangsa adalah seperti Sumiran Eco Park & Resort di Kuching yang mengetengahkan konsep *glamping* dan pelbagai aktiviti sampingan. Serembu Eco Resort yang terletak di daerah Bau pula merupakan resort yang menjalankan konsep pelancongan komuniti di mana sebahagian dari operasi harian mereka adalah menggunakan khidmat dan kepakaran penduduk kampung di sekitar resort berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian pada ketika ini merancang untuk menambah perjawatan pegawai dan kakitangan dalam Jabatan Siasatan jenayah, Polis Diraja Malaysia.

NO SOALAN: 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perjawatan polis di Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga 28 Februari 2023 adalah sebanyak 12,723 anggota yang terdiri daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan.

Pada waktu sekarang Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai kekangan dalam penambahan pegawai dan anggota disebabkan dasar semasa kerajaan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (kemaskini 14 Julai 2022) yang mana pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (trade-off) dan pindah butiran (redeployment) serta tiada implikasi kewangan tambahan.

Polis Diraja Malaysia dalam proses melaksanakan kajian pengoptimuman perjawatan secara holistik dengan mengambil kira aspek demografi serta indeks jenayah bagi semua Jabatan dan Cawangan di PDRM. Selain itu, kajian ini juga turut melihat keperluan perjawatan sebenar di setiap peringkat demi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK LIM PAY HEN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah munasabah tindakan untuk boikot negara Eropah dengan menghentikan bekalan kelapa sawit ke negara-negara Eropah apabila bekalan ini berkemungkinan mampu digantikan dengan komoditi daripada kelapa.

NO SOALAN: 15

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mengeksport minyak sawit ke lebih 160 negara yang mana Kesatuan Eropah (EU) merupakan pengimport ketiga terbesar dengan sumbangan 9.4% daripada jumlah eksport keseluruhan, sebanyak 15.71 juta tan pada tahun 2022. Statistik ini menunjukkan Malaysia tidak hanya bergantung kepada EU untuk pasaran eksport memandangkan Malaysia juga mengeksport sejumlah besar minyak sawit ke pasaran lain seperti India, China, Turkiye, Kenya dan lain-lain.

2. Di samping itu, Kementerian Perladangan dan Komoditi menerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia sentiasa berusaha untuk meneroka pasaran baharu dan mengembangkan pasaran sedia ada bagi memastikan industri sawit negara terus berkembang. Pada masa kini, sasaran pasaran (*target market*) untuk eksport minyak sawit adalah di Rantau Afrika dan Timur Tengah.

3. Selain daripada itu, Malaysia sentiasa terbuka atas cadangan eksport kelapa bagi menggantikan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, Malaysia bukan negara yang mengeksport kelapa sebagai komoditi utama negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat sebarang usaha dan perancangan jangka masa pendek dan panjang yang direncana oleh pihak Kementerian dalam membangunkan ekonomi dan pendapatan rakyat negeri Perlis terutamanya para peniaga di Wang Kelian yang merupakan sempadan negara yang semakin mundur ke belakang.

NO SOALAN: 16

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah dan negeri, termasuk negeri Perlis.

Kerajaan komited untuk mengagihkan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan asas (DE Asas) kepada enam negeri kurang membangun, termasuk negeri Perlis. Di bawah *Rolling Plan 3* Tahun 2023, negeri Perlis telah pun diluluskan peruntukan pembangunan asas (DE Asas) sebanyak hampir RM560 juta bagi melaksanakan 153 projek pembangunan di bawah pelbagai Kementerian.

Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan negeri Perlis, Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) sedang membangunkan dua projek berimpak tinggi di negeri Perlis, iaitu *Chuping Valley Industrial Area* (CVIA) dan *Perlis Inland Port* (PIP). Projek CVIA merupakan taman perindustrian bersepadu yang dibangunkan dengan tujuan untuk menarik pelaburan khususnya dalam sektor berimpak tinggi termasuk pembuatan hijau, tenaga boleh diperbaharui dan industri halal. Sehingga 31 Januari 2023, kemajuan pembinaan infrastruktur projek CVIA telah mencapai 89.4% dan ia dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama tahun 2023. CVIA juga dijangka akan menerima pelaburan komited berjumlah RM2.5 bilion dengan sasaran pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 1,870 setelah disiapkan kelak.

NO SOALAN: 16

Manakala projek PIP merupakan projek di bawah inisiatif Kerajaan Negeri Perlis yang dilaksanakan menerusi model Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*-PPP). Bagi menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembiayaan peruntukan pembangunan bagi membiayai infrastruktur sokongan projek PIP yang terdiri daripada tiga (3) komponen iaitu laluan khas *bonded road*, jejambat (*flyover*) dan laluan keretapi (*spur line*). Sehingga 31 Januari 2023, pembinaan komponen laluan khas *bonded road* telah mencatatkan kemajuan sebanyak 40.25%. Manakala, komponen jejambat (*flyover*) dan laluan keretapi (*spur line*) masih di peringkat kerja awalan dengan kemajuan fizikal sebanyak 1.41%. Pembinaan infrastruktur luaran bagi projek PIP ini dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2024 selari dengan penyiapan komponen projek PIP yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perlis.

Kerajaan sentiasa berusaha memastikan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand termasuk di kawasan Perlis, Malaysia- Thailand sentiasa terkawal dan diberikan perhatian. Ini bagi memastikan anggota keselamatan yang bertugas di sempadan sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi sebarang ancaman di sempadan berkenaan. Antara projek pembangunan bagi sektor keselamatan yang telah dilaksanakan adalah termasuk Projek Menaik taraf Kompleks ICQS Padang Besar dan Projek Pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Pelbagai Kelas di Kem Oran, Perlis. Kerajaan juga melalui Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses perancangan dan penelitian bagi melaksanakan Projek Naik Taraf ICQS Wang Kelian, Perlis dan Projek Pembinaan Balai Polis Beseri, Perlis, tertakluk kepada susunan keutamaan Kementerian dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

NO SOALAN: 16

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan luar bandar di negeri Perlis juga akan terus diberi tumpuan oleh Kerajaan. Di bawah RP3 2023, sebanyak RM43.8 juta telah diluluskan untuk negeri Perlis untuk pembangunan luar bandar negeri tersebut. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan ini dijangka dapat menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi negeri dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk Perlis.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah dengan pelaksanaan rangkaian internet 5G, kawasan liputan capaian internet laju akan diperluaskan ke kawasan pedalaman di Sarawak, terutamanya ke semua sekolah dan rumah panjang, atau akan tertumpu di kawasan berkepadatan penduduk tinggi sahaja.

NO SOALAN: 17

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) telah mula dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021 dan ketersediaan perkhidmatan 5G telah dapat diakses oleh pengguna bermula penghujung tahun 2021. Pada awalnya, pelaksanaan 5G hanya ditumpukan di kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi. Peluasan liputan 5G ke kawasan lain akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun berikutnya.

Setakat 28 Februari 2023, bagi negeri Sarawak, DNB telah pun menyiapkan 227 tapak daripada sasaran keseluruhan 587 tapak 5G yang meliputi 34.3% kawasan berpenduduk. Penyediaan rangkaian 5G di Sarawak tidak hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja, memandangkan 65% daripada sasaran keseluruhan tapak rangkaian 5G di Sarawak adalah di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan 47 kawasan industri manakala Fasa 2 pula akan melibatkan 3,693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak. Sehingga 3 Mac 2023 sebanyak 301 kawasan PoP telah berjaya disiapkan di seluruh negara dengan menyediakan sebanyak 33,201 premis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan internet berkelajuan tinggi.

Di Sarawak, sebanyak 60 daripada 741 projek PoP di bawah Fasa 1 telah berjaya disiapkan sementara 681 projek PoP akan dilaksanakan di bawah Fasa 2. Ini akan memberi manfaat kepada 6,407 premis di sekitarnya.

Selain itu, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) secara berterusan melaksanakan penyediaan dan penaiktarafan infrastruktur jalur lebar ke kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara. Hal ini sedang dilihat secara holistik melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Sekian terima kasih.

NO SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB SENATOR DATO' AJIS BIN SITIN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah piawaian jalan raya yang digunakan bagi pembinaan Jalan Raya Central Spine Road (CSR) terutamanya jajaran dari Bentong ke Raub dalam negeri Pahang yang sedang digunakan sekarang.

NO SOALAN: 18

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau sebelum ini dikenali sebagai Central Spine Road (CSR) adalah jalan raya yang diklasifikasi sebagai jalan berkembar 4 lorong (K2-2) dan ianya dibina mengikut piawaian JKR R5.

Keseluruhan LTU dibina dengan mematuhi Arahan Teknik (Jalan) 8/86: "A Guide on Geometric Design of Roads" di samping mematuhi syarat-syarat pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala dokumen lain yang digunakan sebagai rujukan dalam pembinaan jalan raya secara amnya di Malaysia adalah seperti berikut:

1) Arahan Teknik Jalan (ATJ);

2) Standard Specification for Road Works (SPJ);

3) Nota Teknik Jalan (NTJ);

4) Lukisan Piawai Jalan (LPJ); dan

5) Garis Panduan Jalan (GPJ) yang merangkumi keselamatan, audit dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO DR. NUING JELUING**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembaikan pulih bangunan sekolah usang dan berapakah jumlah keseluruhan mengikut negeri dan bilangan sekolah yang telah dibaiki.

NO SOALAN: 19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM400 juta melalui Anggaraan Perbelanjaan Sementara Tahun 2023 bagi tujuan penyelenggaraan institusi pendidikan. Institusi Pendidikan ini termasuklah sekolah, kuarters, cerun di kawasan institusi pendidikan, kolej matrikulasi, institut perguruan dan juga kolej vokasional.

Bagi tujuan penyelenggaraan sekolah, KPM sentiasa memastikan peruntukan penyelenggaraan disalurkan mengikut keutamaan penyelenggaraan. Sehingga 15 Mac 2023, sebanyak RM178.91 juta telah disalurkan untuk 1,911 projek melibatkan 1,664 buah sekolah. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 33 projek telah selesai diselenggara dan baki 1,878 projek di 1,631 sekolah masih dalam peringkat pra pembinaan (reka bentuk/rancang, perolehan dan surat setuju terima (SST)). Pecahan bilangan projek dan sekolah mengikut negeri adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 19

Bil	Negeri	Bilangan Projek	Bilangan Sekolah
1.	Terengganu	471	345
2.	Johor	208	208
3.	Kedah	203	181
4.	Pahang	197	184
9.	Sabah	154	153
5.	Negeri Sembilan	106	102
6.	Selangor	103	100
7.	Kelantan	97	83
8.	Perak	82	73
10.	WP Kuala Lumpur	57	52
11.	Perlis	48	20
12.	Pulau Pinang	46	46
13.	Melaka	39	30
14.	Sarawak	29	29
15.	WP Putrajaya	20	16
16.	WP Labuan	18	9
	Jumlah	**1,878**	**1,631**

Dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari 2023, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM450 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di institusi pendidikan. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan tersebut kepada institusi pendidikan termasuk sekolah di seluruh negara setelah Belanjawan 2023 diluluskan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan yang disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) tahunan dan adakah PICC masih menjana pendapatan kepada Kerajaan melalui sewaan daripada pihak Kerajaan dan swasta.

NO SOALAN: 20

JAWAPAN

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah bajet mengurus B32 peruntukan Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi tujuan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

Peruntukan	Tujuan	Jumlah	Tahun
Mengurus (B32)	Selenggara	RM8,000,000	2021
	Selenggara	RM8,000,000	2022
	Selenggara	RM5,000,000	2023

2. Dalam keadaan di mana peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Perbadanan Putrajaya tidak mencukupi untuk penyelenggraan PICC, kos penyelenggaraan rutin adalah ditanggung oleh Perbadanan Putrajaya melalui hasil sewaan ruang-ruang komersial PICC yang dijana melalui anak syarikatnya Pulse Group Sdn.Bhd.

3. PICC masih menjana pendapatan menerusi hasil sewaan ruang komersil PICC. Berdasarkan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya bagi Tahun Berakhir 2022, jumlah hasil sewaan ruang komersial PICC yang diperoleh oleh Pulse Group Sdn.Bhd. daripada agensi Kerajaan adalah sebanyak RM9,779,283 dan daripada pihak Swasta sebanyak RM5,231,280.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) Adakah terdapat sebarang usaha oleh pihak Kementerian dalam menguatkuasakan *e-Scooter* dan *e-Bicycle* dari segi perundangan; dan

(b) Bagaimanakah pihak Kementerian akan memastikan keselamatan pengguna jalan raya yang lain terjamin dalam persekitaran yang mempunyai *e-Scooter* dan *e-Bicycle.*

NO SOALAN: 21

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penggunaan kenderaan mikromobiliti di atas jalan tanpa sebarang peraturan penggunaan dan infrastruktur khusus adalah sangat berisiko dan berbahaya kepada semua pengguna jalan raya. Menyedari akan perkara ini, Kementerian Pengangkutan telah mengambil langkah untuk mengawalselia penggunaan jenis kenderaan yang dimaksudkan termasuk jenis *e-scooter* dan *e-bicycle*. Bagi tujuan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) pada tahun 2020 telah meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dengan mewujudkan definisi Kenderaan Mikromobiliti seperti berikut:-

> *"Kenderaan Mikromobiliti" ertinya mana-mana kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia atau gabungan sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia, dan mempunyai kelajuan maksimum 50km/j"*

2. Seterusnya, MOT telah mengeluarkan perintah larangan penggunaan jenis kenderaan mikromobiliti tertentu melalui Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021. Secara ringkasnya, dua (2) kategori kenderaan mikromobiliti telah dilarang penggunaanya di atas jalan iaitu:-

a. *Moped*; dan
b. *Personal Mobility Device (PMD)* yang terbahagi kepada tiga (3) sub klasifikasi iaitu:
    (i) PMD yang dipacu oleh kuasa manusia;

(ii) PMD yand dipacu dengan kuasa elektrik atau pembakaran dalaman termasuk e-scooter; dan

(iii) *Personal Mobility Aids (PMA)* yang dipacu oleh kuasa manusia atau sumber elektrik.

4. Selain daripada dua kategori kenderaan mikromobiliti yang dilarang digunakan di atas jalan tersebut, basikal dan basikal elektrik masih dibenarkan digunakan di atas jalan dengan syarat penggunanya mematuhi semua peraturan jalan raya, kecuali di jalan-jalan yang mana pihak berkuasa yang berkenaan telah melarang penggunaannya. Namun atas dasar keselamatan, hanya basikal elektrik yang memenuhi spesifikasi "MS-2514:2015 - *Electric bicycles (electric pedal assisted bicycles) – Specification*" sahaja yang dibenarkan digunakan di atas jalan raya. Ketetapan ini bagi mengelakkan kenderaan mikromobiliti jenis MOPED yang dilarang penggunaannya di atas jalan raya disalahgunakan dan disalahtafsirkan sebagai basikal elektrik oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

5. Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin, maka adalah amat penting supaya pihak berkuasa yang berkenaan ke atas jalan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membangunkan dan menggazetkan infrastruktur laluan khas bagi penggunaan kenderaan mikromobiliti (seperti laluan basikal) dan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan supaya kenderaan terlibat dibenarkan digunakan di atas laluan khusus tersebut. Pembangunan infrastruktur berkenaan hendaklah mematuhi Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti yang telah dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya PlanMalaysia dan mematuhi semua elemen keselamatan serta

peraturan penggunaan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

6. Selain itu, MOT juga telah melancarkan Program Medan Uji Regulatori Negara Untuk Mikromobiliti dan Hari Keselamatan Kenderaan Mikromobiliti Peringkat Kebangsaan 2023 pada 12 Mac 2023 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Medan Uji Regulatori Negara untuk Mikromobliti di Shah Alam merupakan medan uji pertama yang dilaksanakan untuk pengoperasian kenderaan mikromobiliti bertujuan untuk memantau kebolehlaksanaan operasi penggunaan kenderaan mikromobiliti dari segi penguatkuasaan, perlesenan dan kebolehpakaian infrastruktur berdasarkan garis panduan yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dengan agensi-agensi berkaitan untuk menyelesaikan isu banjir berulang terutamanya di kawasan-kawasan 'hotspot' banjir.

NO SOALAN: 22

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah melaksana kajian untuk menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) di bandar-bandar utama di seluruh negara. PISMA adalah satu dokumen rujukan dan panduan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan perancangan dan pembangunan yang sistematik, mapan bagi mengurangkan risiko banjir kilat dan mengawal pencemaran akibat pembangunan.

2. PISMA juga akan mengenal pasti kawasan kerap banjir atau “hotspot” dan mencadangkan penyelesaian termasuk kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut. Hasil PISMA yang mengambil kira aspek perancangan guna tanah semasa dan masa hadapan akan dapat merancang pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan (*resilience*). Pembangunan yang merujuk kepada PISMA dijangka boleh meminimakan impak negatif kepada alam sekitar dan mengurangkan risiko bencana.

3. Masalah banjir kilat di negara selalunya berlaku disebabkan masalah sistem saliran. Tanggungjawab menjaga sistem saliran di kawasan bandar adalah dibawah pelbagai pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Daerah dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Oleh yang demikian, kerjasama di antara semua agensi-agensi yang berkaitan adalah sangat diperlukan dalam memastikan sistem saliran di negara kita dapat berfungsi dengan baik.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar gaji minimum dan gaji permulaan bagi golongan siswazah tidak mendakap realiti kos sara hidup yang tinggi yang selanjutnya menyebabkan ramai graduan terutamanya di kawasan bandar terkesan dan bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa gaji permulaan para graduan menepati keadaan pasaran.

NO SOALAN: 23

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar gaji minimum kebangsaan digubal untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) bagi pekerja kategori terendah dalam pasaran buruh. Intervensi terhadap pasaran buruh dengan pelaksanaan dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat supaya dapat memenuhi keperluan asas diri dan keluarga mereka.

2. **Penetapan gaji bagi golongan siswazah** tertakluk kepada kuasa **penawaran dan permintaan** dalam pasaran buruh. Kadar gaji yang setimpal dengan tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman boleh dirundingkan dengan pihak majikan melalui **kontrak perkhidmatan** atau **perundingan Perjanjian Kolektif** bagi pekerja yang mempunyai kesatuan sekerja. Kadar gaji perlulah selaras dengan jenis pekerjaan dan bukan semata-mata taraf kelayakan supaya kadar gaji setimpal dengan kemahiran dan produktiviti.

3. Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan perasmian **Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Transformasi TVET** yang diadakan pada **16 Mac 2023**, telah **menyarankan** agar pemain industri dan majikan, **menawarkan gaji permulaan** sekurang-kurangnya **RM 3000** kepada **graduan TVET**. Saranan ini adalah satu permintaan yang munasabah memandangkan graduan TVET adalah pekerja mahir yang menjalani kursus kemahiran secara komprehensif

4. Dasar gaji minimum merupakan salah satu daripada instrumen yang membantu meningkatkan jaminan pendapatan pekerja bagi menangani kos sara hidup. Dasar ini perlu disokong oleh dasar-dasar lain merentasi sektor awam dan swasta agar strategi dan pelan tindakan Kerajaan berkaitan isu kos sara hidup dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

5. Kos sara hidup merupakan antara indikator sosioekonomi yang diambil kira dalam penetapan kadar gaji minimum. Indikator lain yang turut diambil kira ialah pendapatan garis kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran dan produktiviti buruh.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi mewujudkan transit aliran ringan di bandar-bandar selain Lembah Klang.

NO SOALAN: 24

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam, malah sangat mengalu-alukan dan sentiasa menyokong usaha mana-mana Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan pembangunan kemudahan pengangkutan awam di wilayah masing-masing.

2. Sebagai contoh, Kementerian Pengangkutan telah memberikan kelulusan bersyarat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan Projek Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (BLLRT) di mana projek ini akan menjadi tunjang kepada pengangkutan awam berasaskan rel di Negeri Pulau Pinang sepertimana *Penang Transport Masterplan* (PTMP).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah murid yang tidak boleh menguasai 3M dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan murid-murid ini tidak tercicir dalam mata pelajaran lain.

NO SOALAN: 25

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan murid mendapat pendidikan berkualiti. Justeru, aspek literasi dan numerasi diberi keutamaan kepada semua murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan kutipan data pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB); peratus dan bilangan murid sekolah rendah yang belum menguasai tahap penguasaan (TP) minimum iaitu TP1 dan TP2 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sebanyak 6.03 peratus (117,656 orang murid) daripada 1,948,975. Bagi mata pelajaran Matematik pula, sebanyak 6.08 peratus atau 151,676 orang murid daripada 2,493,481 masih belum mencapai tahap penguasaan minimum. Data ini adalah berdasarkan 90.6% sekolah mengisi pelaporan pentaksiran berterusan melalui SPPB serta 91.4 % buah sekolah mengisi pelaporan melalui SPPB bagi ujian akhir sehingga 16 Mac 2023.

KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran asas 3M seperti Program Bantu Baca, Program Pemulihan Khas, Program Literasi dan Numerasi atau Primary Literacy and Numeracy (PLaN).

NO SOALAN: 25

KPM menjalankan Program Bantu Baca bertujuan memperkukuhkan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif melibatkan pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menjalani latihan praktikum di sekolah, pelajar matrikulasi dan murid sekolah berasrama penuh dengan kerjasama komuniti setempat.

Melalui Program Pemulihan Khas, murid yang telah dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) ditempatkan di kelas pemulihan khas semasa mata pelajaran Bahasa Melayu atau Matematik diajar di kelas aliran perdana. Guru pemulihan dengan kerjasama guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik memberi bimbingan yang bersesuaian kepada murid sehingga mereka dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi.

KPM juga memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi atau Primary Literacy and Numeracy (PLaN) sejak 2020 untuk memastikan murid menguasai sekurang-kurangnya tahap minimum (Tahap Penguasaan 3) dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Pelaksanaan program ini adalah sebagai sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeluruh untuk membantu memantapkan tahap penguasaan 3M. Modul latihan intervensi berfokus dan terbeza (MoLIB) dan Schemes of Work (SOW) juga disediakan untuk kegunaan guru bagi menangani isu penguasaan 3M dalam kalangan murid. Selain itu, PLaN juga menyediakan bahan bantu belajar murid serta item pentaksiran untuk menyokong pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

NO SOALAN: 25

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga telah merancang untuk memugarkan semula pelaksanaan Program Bimbingan 3M (PROBIM) bagi murid sekolah menengah (kelas peralihan sehingga tingkatan 5) supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira sebelum menamatkan persekolahan.

KPM yakin program intervensi dan langkah strategik dalam membantu kemahiran membaca yang dilaksanakan ini dapat membantu murid menguasai mata pelajaran lain.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SR MOHD APANDI BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN SR MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan persekutuan akan membayar wang royalti minyak melalui Perbendaharaan Negeri Kelantan.

NO SOALAN: 26

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Ucapan Belanjawan 2023 oleh YAB Menteri Kewangan pada 24 Februari 2023, Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan merangka semula dasar dan skop penggunaan Wang Ehsan kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu supaya penggunaan dana tersebut dapat diselaraskan dengan agenda nasional bagi mengurangkan tahap kemiskinan untuk kedua-dua negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Penyaluran Wang Ehsan / Bayaran Tunai hasil petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan merupakan budi bicara Kerajaan Persekutuan dan disalurkan daripada Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) dan Akaun Amanah Wang Ehsan Negeri Kelantan (WENK).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha menangani isu perkhidmatan feri di Langkawi yang terhad dan terbatas memandangkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) akan berlangsung tidak lama lagi dan bakal menarik pertambahan pengunjung untuk berkunjung ke Langkawi pada masa itu.

NO SOALAN: 27

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat 6 operator feri Langkawi pada masa ini yang mengendalikan sebanyak 12 feri pelbagai kapasiti dan beroperasi bergantung kepada pemintaan penumpang. Jumlah 12 feri ini adalah mencukupi pada masa ini memandangkan permintaan penumpang hanyalah sekadar 5 *trip* sehala sahaja setiap hari. Sekiranya terdapat permintaan penumpang seperti pada musim perayaan, cuti persekolahan atau penganjuran LIMA 2023 kelak, operator feri boleh memohon *trip* perjalanan tambahan sehingga maksimum 12 trip sehala.

2. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia secara amnya tiada halangan dalam memberi kebenaran untuk *trip* tambahan bagi merancakkan lagi ekonomi sektor pelancongan Kuala Kedah-Pulau Langkawi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam menangani masalah inflasi makanan di Malaysia iaitu 3.8%, dengan 93% barang makanan merekodkan kenaikan harga dan amat membebankan rakyat.

NO SOALAN: 28

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol mencatatkan inflasi di antara 0.7% hingga 8.3% pada bulan Januari 2023 berbanding Januari 2022. Daging ayam mencatatkan inflasi sebanyak 6.5%, telur (4.5%), ikan dan makanan laut (3.2%); buah-buahan (4.4%) dan sayur-sayuran (1.0%).

Inisiatif jangka pendek dan jangka panjang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menangani masalah inflasi makanan seperti berikut:

(i) **memperuntukkan subsidi berjumlah RM1.8 bilion kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur** bermula dari Februari sehingga Disember 2022 selaras dengan kawalan harga ke atas ayam dan telur ayam bagi menstabilkan harga di pasaran. Kerajaan turut bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi sehingga Jun 2023 dengan peruntukan sebanyak RM1.28 bilion;

(ii) **menawarkan pinjaman mudah kepada penternak ayam** melalui Agrobank di bawah Dana Pembiayaan Agromakanan berjumlah RM300 juta untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan akibat kenaikan kos pengeluaran;

(iii) **memperkasakan program kebun komuniti melalui aktiviti penanaman, penternakan dan akuakultur bagi mengurangkan kos sara** hidup dan meningkatkan keupayaan membekalkan bahan makanan melalui pemasaran kepada kawasan setempat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pelaksanbaan 1,110 projek.

(iv) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik;

(v) **melaksanakan Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL)** yang memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna dengan sasaran 500 program. 250 ribu pengguna dijangka akan mendapat manfaat dengan nilai penjimatan sebanyak RM750 ribu. Program ini akan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 di seluruh negara;

(vi) **melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya; dan

(vii) **perluasan penternakan secara fidlot dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging** untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030 seperti yang dinyatakan di dalam DAN 2.0. KPKM turut memantapkan pusat kuarantin swasta untuk menampung tambahan import lembu hidup serta mengenal pasti pemain industri yang berkebolehan tinggi. Pengeluaran ladang nukleus dan pengganda juga diberi perhatian. KPKM akan memastikan pembangunan infrastruktur dan logistik industri ternakan fidlot ditambahbaik dan diselenggara.

Selain itu, KPKM mengambil inisiatif untuk menghasilkan sumber alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber import. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

(i) **menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik** yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara;

(ii) **membangunkan bahan makanan ternakan alternatif seperti Black Soldier Fly (BSF) dan Palm Kernal Expeller (PKE) / Palm Kernel Cake (PKC);** dan

(iii) **memperkasa industri benih tempatan** bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif berkaitan reformasi penjawatan awam yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dan adakah terdapat sebarang kajian unjuran keperluan bilangan agensi, jabatan dan Kementerian yang telah dilaksanakan serta apakah hasil kajian tersebut

NO SOALAN: 29

JAWAPAN

DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan sedang melaksanakan **Dasar Pengoptimuman Perkhidmatan Awam (DPPA)** untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

2. Pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber melalui pelbagai langkah seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dasar ini akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah, antaranya melalui penswastaan, penyumberluaran (*outsourcing)*, pendigitalan dan penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery).*

3. Bagi merealisasikan usaha pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, sebarang pewujudan perjawatan baharu adalah tidak dibenarkan kecuali dengan menggunakan kaedah tukar ganti *(trade-off)* atau pindah butiran *(redeployment)* dan tidak melibatkan pertambahan implikasi kewangan.

4. Selain itu, Kerajaan sedang meneruskan kajian pertindihan fungsi antara Kementerian/Jabatan/Agensi, rasionalisasi perjawatan dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan bagi mencapai saiz perkhidmatan yang bersesuaian *(rightsizing)*. Dalam usaha untuk mengoptimumkan sumber (kewangan dan sumber manusia), penggunaan ICT dan teknologi terkini akan dipertingkatkan bagi menyokong fungsi serta operasi perkhidmatan awam agar lebih produktif dan efektif. Kajian ini dijangka dapat mengurangkan isu pertindanan fungsi di samping mengoptimumkan penggunaan sumber (kewangan dan sumber manusia), memperkukuhkan pengurusan kewangan, mengurangkan ketirisan serta memantapkan fungsi dan peranan Kementerian/Jabatan/Agensi agar lebih jelas, berkesan dan selari dengan *outcome* nasional.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik dan pengesanan jumlah pelajar di sekolah rendah dan menengah yang masih tidak menguasai teknologi ICT serta penggunaan peranti digital dan apakah usaha Kerajaan menangani isu ini terutamanya terhadap kumpulan pelajar B40 yang berada di bandar mahupun di luar bandar.

NO SOALAN: 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menambah baik strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) termasuk dengan memanfaatkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara.

KPM kini dalam fasa akhir membangunkan Standard Kompetensi Digital Murid (SKDM). SKDM bertujuan memastikan murid mencapai standard kemahiran digital pada setiap tahap persekolahan. Kompetensi digital yang dinyatakan dalam SKDM akan dikuasai oleh murid melalui kurikulum mata pelajaran teras termasuk murid B40.

KPM menilai kompetensi digital murid melalui *Digital Competency Score* (DCS) iaitu instrumen berbentuk gamifikasi kepada murid tahun enam, tingkatan tiga dan tingkatan lima. Berdasarkan laporan DCS tahun 2022 yang melibatkan 438,000 murid di 9,855 sekolah, skor keseluruhan adalah sebanyak 3.32 daripada 5.0. Ini bermakna murid di Malaysia telah mencapai tahap pertengahan atau *Digital Intermediate* iaitu murid mempunyai kemahiran asas dalam penggunaan teknologi digital dan tidak memerlukan bantuan.

Berdasarkan laporan penggunaan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) pula, sehingga 3 Mac 2023, sebanyak 88.11 peratus murid di seluruh negara telah melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Melalui pelantar pembelajaran digital ini, murid berupaya membaca buku teks dan bahan pembelajaran,

mencari maklumat serta melaksanakan aktiviti latihan dan tugasan yang memerlukan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Di samping itu, KPM juga sentiasa berusaha memantapkan kompetensi digital guru bagi penyampaian PdP yang mengupayakan teknologi digital secara berkesan melalui pembangunan profesionalisme berterusan (PPB). Berdasarkan laporan Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM) sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 9,771 aktiviti PPB berkaitan pendidikan digital atau ICT telah dilaksanakan. Di peringkat pengurusan pendidikan digital di sekolah pula, KPM telah merancang untuk melaksanakan latihan kepimpinan pendidikan digital kepada 1,515 pengetua dan guru besar (PGB) sepanjang tahun 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM turut melaksanakan penggantian pelbagai peralatan ICT yang usang di makmal komputer sekolah secara berfasa mulai tahun 2022 hingga 2024 meliputi komputer riba, pencetak, projektor dan *charging cart.* Bagi pelaksanaan Fasa 1 pada tahun 2022, KPM telah melaksanakan penggantian peralatan ICT di 3,910 sekolah. Inisiatif ini diteruskan di 3,455 sekolah dengan pembekalan dan pemasangan dalam pelaksanaan Fasa 2, yang dijangka siap pembekalan dan pemasangan pada Mei 2023 manakala pembekalan bagi Fasa 3 pada tahun 2024 melibatkan 3,915 sekolah.

KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30 Mbps hingga 300 Mbps untuk 10,233 sekolah di bawah KPM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,220 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,901 lokasi disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 505 lokasi disediakan dengan talian satelit.

KPM sentiasa komited untuk menambah baik sistem pembelajaran berasaskan digital secara berterusan untuk memenuhi keperluan pendidikan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi Kementerian berkaitan staf Kementerian yang memberikan kenyataan/keterangan berkaitan situasi fasiliti perubatan/kesihatan kepada media dengan namanya dirahsiakan dan adakah benar Kementerian sedang menyiasat staf sendiri berkaitan kajian yang dibuat sesetengah pihak media seperti 'Code Blue' baru-baru ini.

NO SOALAN: 31

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peraturan 19(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U (A) 395/1993) telah menerangkan dengan jelas bahawa

   "pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:-

   (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
   (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
   (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
   (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

2. Peraturan 19(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U (A) 395/1993) juga menyatakan bahawa:

   "seseorang pegawai tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain:-

   (a) membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;

(b) memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung perjalanan fungsi Kerajaan;

(c) memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau

(d) menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain,

melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus telah diperolehi daripada Menteri, kecuali pemakluman mengenai perkara-perkara yang bersifat pengoperasian atau pelaksanaan apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa atau berdasarkan kepada ketetapan undang-undang sedia ada."

3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengeluarkan Polisi Larangan Membuat Pernyataan Awam KKM 2021, Buku Tata Etika Penggunaan Media sosial Oleh Warga KKM pada 9 Ogos 2016 serta peringatan secara berkala kepada semua warga KKM untuk sentiasa berintegriti dan berhemah semasa menggunakan media sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Siasatan kes yang melibatkan warga KKM dibuat berdasarkan aduan yang diterima dan diuruskan mengikut tatacara siasatan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah model pendidikan yang baik dan berkesan daripada negara lain yang boleh diadaptasikan untuk diguna pakai di Malaysia.

NO SOALAN: 32

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dibangunkan dengan mengambil kira pelbagai konteks penandaarasan pendidikan antarabangsa seperti dapatan kajian *Programme for International Assessment* (PISA), *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *The Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM), bagi menyediakan sistem pendidikan tempatan yang bertaraf global. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa juga memastikan sistem pendidikan kita selari dengan agenda pendidikan global khususnya Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG4).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM dari semasa ke semasa turut membuat penandaarasan amalan terbaik dengan model pendidikan luar negara bagi tujuan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia. KPM juga akan melaksanakan kajian kebolehlaksanaan model pendidikan baharu bagi menyediakan satu sistem pembelajaran yang dapat menghasilkan bakat kalis masa hadapan (*future proof talents*), sekaligus mempersiapkan generasi muda Malaysia untuk menghadapi keperluan abad ke-21.

Justeru, KPM yakin bahawa sistem pendidikan Malaysia yang ditambah baik sejajar dengan keperluan semasa, serta selari dengan agenda pendidikan global, dapat melahirkan modal insan berilmu, berkemahiran, dan berakhlak mulia, bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi abad ke-21, serta berdaya tahan bagi mendepani cabaran era Revolusi Perindustrian (IR).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa bagi penubuhan Majlis Austima Kebangsaan serta adakah Kerajaan bercadang bagi mewujudkan satu pelan tindakan khas kesejahteraan OKU Austisma dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan fungsi hospital bagi rawatan autisma.

NO SOALAN: 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Memorandum Jemaah Menteri mengenai Kertas cadangan penubuhan Majlis Autisme Kebangsaan akan dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April 2023 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

2. Majlis Autisme Kebangsaan ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai Kementerian, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan individu lain yang berkepentingan. Majlis ini bertindak sebagai satu platform yang tersusun dan produktif untuk pemberian perkhidmatan kepada individu dengan ASD.

3. Strategi/intervensi yang diambil melalui majlis ini adalah berasaskan komuniti (*community based/approaches),* pelaksanaan gabungan intervensi pelbagai (*multi-sectoral package of interventions*) dan penglibatan sukarelawan tempatan melalui usaha pemerkasaan komuniti.

4. Ini termasuklah program dan aktiviti yang dirangka melalui penyediaan *blueprint* strategi/intervensi bagi jangka pendek, sederhana dan panjang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk kesejahteraan individu dengan ASD yang merupakan salah satu terma rujukan Majlis Autisme Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bilangan kanak-kanak dan individu dengan ASD semakin meningkat. Oleh itu, saringan dan diagnosis awal amat diperlukan supaya rawatan dan intervensi awal dapat dimulakan secepat mungkin ke arah peningkatan perkembangan dan pengurangan simptom ASD. Tindakan ini adalah bagi membendung risiko masalah kesihatan mental, masalah pembelajaran dan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak dan individu yang tidak didiagnos dan memulakan intervensi yang sesuai pada peringkat awal.

6. Antara langkah-langkah yang akan diambil melalui Majlis Autisme Kebangsaan ini bagi meningkatkan fungsi hospital untuk rawatan individu dengan ASD ini adalah:-

   (a) mengukuhkan aktiviti dalam aspek amalan perubatan berasaskan bukti saintifik, termasuk perubatan alternatif dan komplementari, penyediaan latihan kepada pegawai perubatan, jururawat terlatih dan ahli sains kesihatan bersekutu serta memastikan program intervensi berterusan; dan

   (b) menyediakan kemudahan infrastruktur yang merangkumi pusat rawatan diagnostik, pusat intervensi, sumber manusia dengan latihan yang diperlukan dan kemudahan penjagaan anak-anak dan penjagaan tangguh *("respite care")* kepada ibu bapa yang memerlukan.

7. Penubuhan Majlis Autisme Kebangsaan ini adalah selaras dengan konsep masyarakat madani yang dipelopori oleh Kerajaan. Selain itu, penubuhan Majlis ini membolehkan usaha menggembleng sumber dari pelbagai pihak selaras dengan pendekatan *"Whole of Nation, Whole of Society"*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini sistem capaian internet di sekolah luar bandar terutama untuk kelancaran pendidikan secara 'online' dalam keadaan norma baharu ini dan berapakah jumlah statistik sekolah kawasan luar bandar yang belum mendapat capaian internet.

NO SOALAN: 34

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti capaian internet sekolah. KPM telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,233 sekolah bawah KPM merangkumi 5,904 sekolah di bandar dan 4,329 sekolah di luar bandar. Mengikut rekod, semua sekolah termasuk sekolah luar bandar telah dibekalkan dengan capaian internet. Sebanyak 5,027 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,701 sekolah disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 505 sekolah disediakan dengan talian satelit. Pada masa ini, capaian internet di sekolah hanya meliputi makmal komputer, bilik guru dan pejabat pentadbiran.

KPM komited untuk memastikan capaian internet disediakan di semua sekolah. Buat masa kini, KPM telah menyediakan capaian jalur lebar internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,233 sekolah di bawah KPM. Sebanyak 5,027 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,701 sekolah disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 505 sekolah disediakan dengan talian satelit.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa bagi penubuhan Majlis Austima Kebangsaan serta adakah Kerajaan bercadang bagi mewujudkan satu pelan tindakan khas kesejahteraan OKU Austisma dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan fungsi hospital bagi rawatan autisma.

NO SOALAN: 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Memorandum Jemaah Menteri mengenai Kertas cadangan penubuhan Majlis Autisme Kebangsaan akan dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April 2023 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

2. Majlis Autisme Kebangsaan ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai Kementerian, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan individu lain yang berkepentingan. Majlis ini bertindak sebagai satu platform yang tersusun dan produktif untuk pemberian perkhidmatan kepada individu dengan ASD.

3. Strategi/intervensi yang diambil melalui majlis ini adalah berasaskan komuniti (*community based/approaches),* pelaksanaan gabungan intervensi pelbagai (*multi-sectoral package of interventions*) dan penglibatan sukarelawan tempatan melalui usaha pemerkasaan komuniti.

4. Ini termasuklah program dan aktiviti yang dirangka melalui penyediaan *blueprint* strategi/intervensi bagi jangka pendek, sederhana dan panjang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk kesejahteraan individu dengan ASD yang merupakan salah satu terma rujukan Majlis Autisme Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bilangan kanak-kanak dan individu dengan ASD semakin meningkat. Oleh itu, saringan dan diagnosis awal amat diperlukan supaya rawatan dan intervensi awal dapat dimulakan secepat mungkin ke arah peningkatan perkembangan dan pengurangan simptom ASD. Tindakan ini adalah bagi membendung risiko masalah kesihatan mental, masalah pembelajaran dan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak dan individu yang tidak didiagnos dan memulakan intervensi yang sesuai pada peringkat awal.

6. Antara langkah-langkah yang akan diambil melalui Majlis Autisme Kebangsaan ini bagi meningkatkan fungsi hospital untuk rawatan individu dengan ASD ini adalah:-

   (a) mengukuhkan aktiviti dalam aspek amalan perubatan berasaskan bukti saintifik, termasuk perubatan alternatif dan komplementari, penyediaan latihan kepada pegawai perubatan, jururawat terlatih dan ahli sains kesihatan bersekutu serta memastikan program intervensi berterusan; dan

   (b) menyediakan kemudahan infrastruktur yang merangkumi pusat rawatan diagnostik, pusat intervensi, sumber manusia dengan latihan yang diperlukan dan kemudahan penjagaan anak-anak dan penjagaan tangguh *("respite care")* kepada ibu bapa yang memerlukan.

7. Penubuhan Majlis Autisme Kebangsaan ini adalah selaras dengan konsep masyarakat madani yang dipelopori oleh Kerajaan. Selain itu, penubuhan Majlis ini membolehkan usaha menggembleng sumber dari pelbagai pihak selaras dengan pendekatan *"Whole of Nation, Whole of Society"*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan bersepadu bersama Kementerian Kesihatan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi memantau secara berkala keadaan fizikal kantin serta dewan makan sekolah yang boleh memberi kesan terhadap kebersihan makanan serta minuman yang disediakan kepada anak-anak pelajar.

NO SOALAN: 36

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan mutu dan kebersihan makanan yang dijual dan disediakan oleh pihak pengusaha kantin dan kontraktor dewan makan asrama di sekolah.

Kerjasama KPM dengan pihak KKM dalam aspek pemakanan sihat di sekolah meliputi menyediakan cadangan menu sihat di kantin serta dewan makan asrama sekolah, mengeluarkan senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual di sekolah, menyediakan borang penilaian kendiri pengusaha kantin sekolah, memantau keselamatan dan kualiti makanan di kantin serta dewan makan asrama sekolah dan penggredan kantin sekolah. Pihak KKM dari semasa ke semasa menyediakan bahan dan informasi pemakanan sihat untuk disampaikan kepada warga sekolah. Pihak KKM juga terlibat sebagai penasihat kepada KPM dalam penyediaan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat.

Selain daripada pemantauan oleh pihak KPM, pihak KKM juga melaksanakan pemantauan kantin serta dewan makan asrama sekolah secara berkala. KKM mensasarkan sebanyak 40 peratus pemantauan liputan kantin sekolah, 25 peratus pemantauan pengendalian Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan 20 peratus pemantauan dewan makan asrama sekolah pada tahun 2023.

NO SOALAN: 36

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga bekerjasama dengan KKM dalam melaksanakan Amalan Program Keselamatan Makanan (ProKeM) di dapur asrama sekolah KPM sejak tahun 2021. Melalui program ini, pihak KKM memantau dan mengeluarkan sijil penghargaan kepada asrama sekolah yang mematuhi penyediaan makanan sihat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK PAUL IGAI**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) adakah jumlah penyakit kencing manis semakin meningkat dan apakah ubat terkini yang dihasilkan bagi mengatasi penyakit ini; dan

(b) apakah pendirian Kementerian tentang kelulusan oleh 'Food and Drug Authority' (FDA) Amerika Syarikat yang menyatakan satu terapi baharu yang boleh memperlahankan permulaan penyakit Diabetes Jenis 1.

NO SOALAN: 37

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prevalens penyakit diabetes atau kencing manis di Malaysia terus meningkat saban tahun. Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, prevalens diabetes dalam kalangan dewasa berumur 18 tahun dan ke atas ialah 18.3% meningkat berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 13.4% dan 11.2% pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, terdapat 3 kategori utama ubat yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk rawatan diabetes iaitu biologik, entiti kimia baharu (*new chemical entity, NCE*) dan generik.

2. Sehingga 7 Mac 2023, sebanyak 70 ubat biologik, 108 ubat NCE dan 271 ubat generik masih berdaftar dengan PBKD. Dimaklumkan juga bahawa dari tempoh 6 Januari 2022 hingga 7 Mac 2023, sejumlah 18 ubat biologik telah didaftarkan oleh PBKD bagi rawatan penyakit tersebut.

3. Bagi rawatan pesakit di fasiliti kesihatan KKM pula, Formulari Ubat KKM (FUKKM) merupakan rujukan utama senarai ubat-ubatan yang diguna pakai di fasiliti kesihatan KKM. FUKKM adalah suatu pendekatan dasar dan pentadbiran untuk mengawal dan menggalakkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkualiti di semua hospital, klinik dan institusi KKM.

4. Sehingga 8 Mac 2023, bilangan ubat diabetes yang tersenarai dalam FUKKM untuk dipreskrib oleh pakar atau pegawai perubatan di fasiliti KKM adalah sebanyak 41 sediaan ubat (17 entiti kimia). Senarai ubat dalam FUKKM ini sentiasa disemak dan ditambah baik dengan pertambahan ubat-ubat baharu setiap tahun termasuk ubat-ubatan bagi rawatan diabetes.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berkenaan terapi baharu yang boleh memperlahankan permulaan penyakit Diabetes Jenis 1 seperti yang dinyatakan oleh YB Datuk Paul Igai, pada 16 November 2022, *Food and Drug Administration* Amerika Syarikat (USFDA) telah mengumumkan kelulusan ubat suntikan Tzield (teplizumab-mzwv). Ubat ini dapat menangguhkan permulaan Diabetes Jenis 1 Tahap 3 bagi pesakit yang berisiko.

6. Sehingga 8 Mac 2023, tiada permohonan pendaftaran untuk produk ini diterima oleh NPRA. Walau bagaimanapun, NPRA bersedia menerima permohonan pendaftaran bagi ubat tersebut dan penilaian bagi tujuan pendaftaran ubat berkenaan akan dibuat berdasarkan garis panduan pendaftaran sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DR WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keselamatan di sempadan Negara terutama di Kelantan dengan memasang pagar di sepanjang sempadan agar kes penyeludupan dapat dikekang.

NO SOALAN: 38

JAWAPAN

DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa proaktif dan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa dilindungi dan dipelihara. Kerajaan menyambut baik usulan daripada pihak YB untuk memasang pagar di sepanjang sempadan Negara terutama di Kelantan dalam usaha untuk mengekang jenayah rentas sempadan. Kerajaan memandangkan serius insiden-insiden yang berlaku di sempadan negara yang memerlukan tindakan segera pihak-pihak yang bertanggungjawab.

2. Sehubungan itu, Kerajaan kini sedang dalam tindakan melaksanakan pembangunan baharu dan menaiktaraf tembok/pagar keselamatan sedia ada di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand di Negeri Perlis, Kedah dan Perak melibatkan anggaran jarak sepanjang 110.7 km di kawasan yang dikenalpasti bersesuaian dari segi teknikal untuk pembinaan tembok/pagar keselamatan. Namun, pembangunan di sempadan melibatkan Kelantan belum dapat dilaksanakan berikutan isu-isu pengukuran sempadan Malaysia-Thailand (Kelantan) yang masih belum dimuktamadkan.

3. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan sempadan negara terpelihara, Kerajaan akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan pihak Kerajaan Thailand dalam mengawal keselamatan sempadan Malaysia-Thailand melalui pos-pos keselamatan di sepanjang kawasan sempadan darat Malaysia-Thailand yang dikendalikan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

4. Selain kerjasama kawalan keselamatan, Kerajaan juga akan memastikan kesinambungan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Thailand melalui Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand (*General Border Committee*-GBC MALTHAI) yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan kedua-dua negara.

5. Di samping itu, mekanisme kawalan keselamatan sempadan ini juga turut mengaplikasikan penggunaan teknologi baharu, penggunaan sistem pemantauan yang berkesan, pengurusan logistik yang mampan, pendedahan kepada strategi dan taktik keselamatan terkini. Penekanan khusus ini adalah merupakan inisiatif Kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam melaksanakan penugasan kawalan keselamatan dan memastikan kedaulatan negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK NORAINI IDRIS**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha reformasi yang sedang dilaksanakan terhadap FELCRA dan RISDA ke arah menjadikan kedua-dua entiti tersebut sebagai penjana ekonomi negara di peringkat global terutamanya menerusi aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh menyumbang kepada keterjaminan makanan di samping kemampanan sektor minyak sawit tempatan.

NO SOALAN: 39

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

FELCRA Berhad telah mengambil inisiatif-inisiatif yang lebih agresif dalam pengembangan aktiviti-aktiviti ekonomi baharu bagi menyumbang kepada Keterjaminan Makanan Negara. Di antara aktiviti ekonomi yang dimaksudkan adalah:-

Projek Ternakan Ayam Pedaging

FELCRA Berhad sedang memulakan Projek Ternakan Ayam sistem tertutup dengan kapasiti pengeluaran ayam sehingga 600,000 ekor per pusingan untuk 5 pusingan setahun atau 3 juta ekor per tahun di Tanjung Seratus, Rompin Pahang. FELCRA Berhad yakin dengan perlaksanaan projek berimpak tinggi ini, ia akan memberi peluang pekerjaan dan perningkatan pendapatan kepada peserta.

Projek yang sama dijangka akan turut beroperasi pada tahun 2024 hingga 2025 di 4 kawasan lain iaitu Padang Terap, Kedah, Bagan Datuk, Perak, Lipis, Pahang dan Machang, Kelantan.

Cadangan Projek Tanaman Padi di Sabah dan Sarawak

Menyedari hakikat masih terdapat kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai estet padi di Sabah dan Sarawak, maka kerajaan telah meminta supaya usaha menerokai cadangan ini dilaksanakan.

Justeru itu, bagi pembangunan projek estet padi di Sabah dan Sarawak, FELCRA Berhad telah memohon sejumlah RM120 juta bagi tempoh pembangunan pada tahun 2023 dan tahun 2024.
Projek ini juga dijangka akan turut membantu meningkatkan sumber ekonomi peserta dan secara langsung dapat membantu usaha peningkatan hasil makanan negara.

Projek Lembu Pedaging
Projek Lembu pedaging dengan populasi stok lembu termasuk lembu integrasi melebihi 5,000 ekor meliputi kawasan-kawasan di Seberang Perak, Perak dan Tebing Tinggi, Johor di urus kendali oleh FELCRA Berhad manakala kawasan Paloh, Johor, Sg. Sepuluh, Johor, Sri Mahkota, Johor, Lakai, Negeri Sembilan serta Ramuan China, Melaka diurus kendali oleh Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Berhad (KPR).

Manakala untuk RISDA, agensi ini melaksanakan tanggungjawab sepertimana yang diperuntukkan mengikut Akta 85 atau Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) 1972.

Tanggungjawab utama RISDA adalah menggalakkan pekebun kecil melaksanakan penanaman semula dan penanaman baharu bagi kebun getah tua atau yang tidak ekonomik dengan klon getah yang berhasil tinggi.

Di dalam Bajet 2023, sejumlah RM191.03 juta telah diperuntukkan bagi Program Tanam Semula Getah (TSG) dengan sasaran keluasan 20,000 hektar kebun ditanam semula. Seramai 10,526 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat.

Selain itu, Kementerian melalui RISDA sentiasa berusaha meningkatkan ekonomi negara terutamanya ekonomi bagi masyarakat pekebun kecil. Antara usaha reformasi atau pembaharuan ekonomi yang dilaksanakan oleh RISDA adalah memperluaskan kawasan tanaman getah bagi meningkatkan pengeluaran getah Negara.

Di dalam Bajet 2023, sejumlah RM191.03 juta diperuntukkan bagi Program Tanam Semula Getah (TSG) dengan sasaran keluasan 20,000 hektar kebun ditanam semula. Seramai 10,526 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat.

Selain itu, RISDA turut melaksanakan usaha pembaharuan ekonomi dengan memperkasakan sosioekonomi pekebun kecil yang akan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan mereka sekaligus dapat menyumbang kepada pertumbuhan positif ekonomi negara.

Aktiviti ekonomi lain yang dilaksanakan oleh RISDA adalah melalui Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), Program Pembangunan Keusahawanan dan Program Pembangunan Hasil Baharu Agromakanan.

Program-program tersebut menggalakkan pekebun kecil menceburi bidang-bidang perniagaan seperti pembuatan produk, perkhidmatan, pemasaran, dan lain-lain perniagaan serta bidang pertanian selain getah seperti penanaman sayuran secara fertigasi, ternakan ayam, lembu fidlot, ikan sangkar dan lain-lain, yang boleh menyumbang kepada keterjaminan makanan Negara.

NO SOALAN: 39

Pada tahun 2023, sejumlah RM70 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek atau aktiviti ekonomi lain dengan mensasarkan seramai 8,233 pekebun kecil menerima manfaat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kemajuan terkini tindakan penambahbaikan yang dilakukan oleh syarikat yang menyediakan perkhidmatan kad Touch 'N Go sepertimana yang diarahkan Kementerian dan apakah halangan untuk Kementerian membuka perkhidmatan ini agar pengguna boleh memilih untuk menggunakan platform bayaran yang lain seperti kad kredit semasa membayar tol.

NO SOALAN: 40

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada bulan Januari 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menubuhkan sebuah pasukan khas (task force) yang terdiri daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam usaha KPDN untuk menangani beberapa permasalahan berkaitan dengan sistem pembayaran baharu visa Touch ‘n Go.

Melalui sesi libat urus bersama pihak Touch ‘n Go telah diadakan oleh pasukan khas ini yang diketuai oleh Ketua Setiausaha KPDN pada 25 Januari 2023, beberapa penambahbaikan segera telah diambil oleh syarikat Touch ‘n Go dalam masa seminggu yang diberikan iaitu:

(a) Berhubung isu kekurangan kad, Touch ‘n Go membuat penambahan bilangan kad sehingga 3.5 juta pada tahun 2023 berbanding 2.86 juta kad pada tahun 2022;

(b) Syarikat Touch ‘n Go telah mengambil tindakan dengan menghantar pro aktif atau peringatan pra tamat tempoh kepada pengguna Touch ‘n Go termasuk e-mel pemakluman juga dihantar sebulan sebelum kad tamat tempoh bagi mengatasi isu berkaitan notifikasi kad tamat tempoh. Notifikasi melalui aplikasi e-wallet dan semakan tarikh juga telah dicetak di belakang kad;

(c) Pihak Touch ‘n Go akan meneliti dan melaksanakan proses bayaran balik dengan kadar segera kepada pengguna setelah syarikat konsesi melakukan siasatan, pengesahan

serta kelulusan bagi mengatasi isu pemulangan dan bayaran balik baki kad;

(d) Pihak Touch ‘n Go juga telah membuat penambahbaikan komunikasi dan pencerahan penggunaan kad visa Touch ‘n Go untuk mengelakkan kekeliruan pengguna dengan mempamerkan notifikasi ‘This is Not Touch ‘n Go Card’ sebelum permohonan dilakukan; dan

(e) Syarikat Touch ‘n Go telah mengambil tindakan segera dengan menghantarkan notis rasmi kepada platform e-dagang bagi menurunkan semua iklan penjualan produk Touch ‘n Go yang tidak berdaftar. Notis rasmi juga telah dihantarkan kepada pengendali syarikat minyak, peruncitan dan pengedar sah bagi memastikan mereka mengikuti harga yang ditetapkan termasuk kawalan penjualan satu kad untuk setiap pelanggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPDN tidak mempunyai sebarang halangan untuk membuka perkhidmatan pembayaran tol agar pengguna boleh memilih untuk menggunakan platform bayaran yang lain seperti kad kredit. Hal ini adalah di bawah bidang kuasa KKR. KKR telah mengumumkan pada Oktober 2022 bahawa KKR bercadang untuk melaksanakan multi-lane free flow (MLFF) menjelang tahun 2025. Melalui pelaksanaan MLFF, pengguna lebuh raya boleh membuat pembayaran tol menggunakan kad kredit, kad debit dan e-wallet selain e-wallet Touch ‘n Go.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ianya lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA.

NO SOALAN: 41

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan para pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

2. Dalam hal ini, peranan KPT adalah **menyelaras** kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM/ Setaraf** ke Institusi Pendidikan Tinggi awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

3. Penyelarasan kemasukan ini adalah berasaskan **prinsip meritokrasi** dengan mengambilkira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.

4. Berhubung tindakan bagi menyelaraskan program pra-universiti seperti matrikulasi dan STPM supaya ianya lebih adil dan tersusun bagi tujuan kemasukan ke IPTA, KPT perlu mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperhalusi perkara ini kerana ia turut melibatkan kementerian selain KPT.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian tentang hak aset negara Malaysia di perairan Sabah dan Sarawak di Laut China Selatan terutama sekali aset minyak negara di perairan Sarawak dari sudut ekonomi, aktiviti eksplorasi serta perniagaan PETRONAS turut diancam oleh pencerobohan asing.

NO SOALAN: 42

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kawasan maritim Malaysia adalah sepertimana yang termaktub dalam **Peta Baru Malaysia 1979**. Undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut PBB 1982 (KUUL 1982) memperuntukkan hak-hak tertentu kepada Malaysia, sebagai sebuah negara pesisir.

3. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia tegas dalam melaksanakan komitmen untuk menjaga kedaulatan, hak berdaulat dan kepentingan negara di dalam zon-zon maritim negara. Kementerian Luar Negeri, bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dan memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan, untuk memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

4. Ini juga adalah selari dengan dasar luar negara Malaysia yang mengutamakan dan mempertahankan kedaulatan, hak berdaulat dan kepentingan negara. Ini termasuklah memelihara sumber ekonomi dari ancaman dan eksploitasi oleh negara-negara lain.

5. Di samping itu, Kerajaan turut menyuarakan pendirian dalam platform-platform yang berkaitan atau mengemukakan bantahan diplomatik terhadap pencerobohan yang berlaku di perairan Malaysia. Secara khususnya, bantahan tersebut akan merujuk kepada aktiviti-aktiviti kapal-kapal kerajaan asing melakukan aktiviti yang bertentangan dengan kebebasan pelayaran seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang antarabangsa, termasuk KUUL 1982. Tindakan tersebut adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia yang mempertahankan hak tuntutan perairan negara daripada sebarang pencerobohan.

6. Selain itu, sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak–pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persetujuan di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, "*self-restraint"* dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

7. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC).* COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

8. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan jangka pendek Jabatan Kerja Raya (JKR) terhadap usaha membaik pulih jalan-jalan Persekutuan di Negeri Sembilan khususnya jalan-jalan yang telah dikenal pasti berisiko tinggi untuk mengalami kerosakan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

NO SOALAN: 43

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi kerja – kerja membaik pulih infrastruktur jalan raya khususnya jalan-jalan yang telah dikenal pasti berisiko tinggi untuk mengalami kerosakan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh di Negeri Sembilan, Kementerian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan infrastruktur awam yang berlaku di Jalan Persekutuan sahaja, manakala bagi kerosakan infrastruktur di Jalan Negeri, ia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan peruntukan pembaikan adalah di bawah MARRIS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, panjang jalan Persekutuan bagi Negeri Sembilan adalah sepanjang 1,395.40 km. Peruntukan dari 1 Januari 2020 sehingga sehingga kini yang telah disalurkan kepada Negeri Sembilan adalah sebanyak **RM284.5 juta** yang melibatkan peruntukan kerja penyenggaraan rutin, peruntukan bencana, berkala pavemen, berkala bukan pavemen, baik pulih jambatan dan kerja - kerja kecemasan.

Pada tahun ini sehingga 28 Februari 2023, sebanyak RM1.27 juta telah diperuntukkan bagi kerja membaik pulih infrastruktur yang telah rosak akibat banjir di Negeri Sembilan. Antaranya, kerja – kerja membaik pulih dan menaik taraf longkang sebagai langkah pencegahan awal bagi mengatasi lokasi berpotensi berlakunya banjir.

Selain itu juga, kerja – kerja penyenggaraan rutin seperti pembersihan longkang, pembetung dan jambatan turut dilaksanakan secara berjadual pada bagi memastikan aliran air tidak tersumbat dan longkang sentiasa dalam keadaan yang baik. Rondaan sebanyak dua (2) kali seminggu turut dilakukan bagi melaporkan kerosakan jalan. Pelaporan akan melibatkan segala jenis kerosakan pada permukaan jalan, perabot jalan, pembetung, infrastruktur jambatan dan segala aset di laluan Persekutuan.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia juga mempunyai Bilik Gerakan Bencana (BigBen) yang menyediakan maklumat terkini yang boleh diakses oleh orang awam untuk melihat lokasi bencana alam seperti cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan rosak/runtuh termasuklah lokasi banjir. Pihak JKR Daerah dan Syarikat Konsesi juga akan membuat rondaan dan tinjauan ke lokasi banjir bagi pemasangan papan tanda amaran banjir serta mengenal pasti ketinggian aras air untuk dilaporkan ke dalam laman sesawang BigBen sama ada jalan yang terlibat boleh dilalui oleh kenderaan ringan / berat atau tidak boleh dilalui oleh mana – mana jenis kenderaan.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan infrastruktur jalan raya dalam keadaan selamat dan selesa kepada semua pengguna jalan raya dengan melaksanakan kerja – kerja penyenggaraan rutin ini sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' DR.AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai sebenar hutang negara pada ketika ini memandangkan pada Jun 2022, hutang statutory mencatat 60.4% daripada KDNK dan bagaimanakah Kementerian mengurus hutang negara supaya tidak mencapai melebihi ke paras 65% daripada KDNK.

NO SOALAN: 44

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.4% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri adalah sebanyak RM1,050.1 bilion manakala pinjaman luar pesisir sebanyak RM29.5 bilion. Paras hutang statutori yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (atau dengan izin, *Malaysian Government Securities*), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Investment Issues*) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (*Malaysian Islamic Treasury Bills*) mencatat 57.7% daripada KDNK lebih rendah berbanding had statutori 65%.

Dalam memastikan paras hutang terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi dalam usaha menyelesaikan peningkatan paras hutang. Antaranya:

i. Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;

ii. Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;

iii. Memastikan bayaran khidmat hutang terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil;

iv. Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

v. Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara off-budget yang membebankan. Projek-projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah DE.

Secara amnya, Kerajaan perlu membuat pinjaman setiap tahun bagi membiayai defisit fiskal iaitu menampung perbelanjaan pembangunan. Pinjaman tahunan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan ini akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit. Oleh itu, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi terus memperkukuh kedudukan kewangan dan mengawal peningkatan paras hutang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan garis panduan perlombongan unsur nadir bumi (REE) yang selaras bagi seluruh negeri yang memiliki mineral ini.

NO SOALAN: 45

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengambil kira potensi industri Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) untuk memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk membangunkan industri NR-REE secara menyeluruh bermula dengan membentangkan Kerangka Prosedur Operasi Standard (SOP) Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Disember 2020 dan semasa mesyuarat Majlis Mineral Negara Pertama (MMN) pada 16 Februari 2021. Pembentangan Kerangka SOP ini bertujuan memastikan usaha yang dilaksanakan Kementerian mendapat persetujuan di peringkat Persekutuan dan mendapat sokongan di pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri.

2. Seterusnya, Kementerian telah menyediakan dokumen SOP Perlombongan NR-REE Di Negeri Perak yang secara rasminya telah berkuatkuasa pada 15 April 2022. SOP NR-REE Negeri Perak ini boleh digunakan bagi mengawal aktiviti perlombongan NR-REE di Negeri Perak khususnya di tapak projek perintis Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak. Dokumen SOP ini telah dinilai oleh Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam industri mineral, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan penggiat industri.

3. Untuk memperluaskan lagi aktiviti perlombongan NR-REE ini ke negeri-negeri lain, Kementerian telah membangunkan SOP NR-REE Di Malaysia sebagai rujukan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam mempertimbangkan aktiviti perlombongan NR-REE di negeri masing-masing. Sehubungan itu, dokumen SOP NR-REE telah mengambil kira peraturan dan perundangan sedia ada yang sedang berkuatkuasa antaranya Akta Pembangunan Mineral 1994, Enakmen Mineral Negeri, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan lain-lain untuk dijadikan panduan dalam mengawal selia aktiviti perlombongan.

4. SOP NR-REE Malaysia ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2023. Antara perkara utama yang diberi tumpuan ialah dasar industri NR-REE yang holistik termasuk penubuhan satu (1) badan khas yang mempunyai kuasa eksekutif bagi membangun dan mengawal selia industri NR-REE.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah berlakunya pemanjangan waktu operasi kesihatan pada pengumuman bajet baru ini, dan adakah akan diselaraskan juga kadar elaun tuntutan pemanjangan waktu 'claim extended' ini kepada mereka yang bertugas.

NO SOALAN: 46

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelanjutan waktu operasi selepas waktu pejabat (*extended hours*) di klinik kesihatan bertujuan mengurangkan isu kesesakan yang dihadapi oleh Jabatan Kecemasan Hospital. Langkah ini diambil bagi mengalihkan pesakit yang dikategorikan sebagai kes bukan kritikal untuk dirawat di klinik-klinik.

2. Pelanjutan waktu operasi dilaksanakan secara *Extended Hours* dengan Pegawai Perubatan dan anggota sokongan bertugas selepas waktu bekerja biasa secara penggiliran lebih masa. Penjadualan kakitangan dibuat dengan mengambil kira sumber manusia di fasiliti, di mana bilangan anggota yang minimum perlu disediakan bagi menawarkan perkhidmatan tersebut. Terkini terdapat 52 buah klinik kesihatan yang sedang menjalankan perkhidmatan *extended hours*.

3. Bagi tuntutan elaun untuk pelaksanaan waktu bekerja selepas waktu pejabat di klinik kesihatan akan diselaraskan mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 8/ 2007 dan Surat Ketua Pengarah Kesihatan yang bertarikh 7 Julai 2008. Pegawai Perubatan yang terlibat dibayar Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun *Locum*) sebanyak RM80 sejam. Bayaran ini adalah lebih baik berbanding dengan kadar berkhidmat di swasta. Manakala bagi anggota Kumpulan Pelaksana, mereka boleh dibayar Elaun Lebih Masa.

4. Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) sedang merancang dalam menerajui inisiatif mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan dengan satu projek rintis pelanjutan waktu operasi selepas waktu pejabat di Klinik Kesihatan Bandar Botanik dengan HTAR ke arah peningkatan produktiviti negara dan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan negara kepada rakyat.

5. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemukakan permohonan untuk memanjangkan Elaun *Locum* meliputi hari Ahad dan hari kelepasan am. Selain itu, KKM juga membangkitkan permohonan Elaun *Locum* untuk skim-skim perkhidmatan lain (seperti Pegawai Farmasi dan Pegawai Sains) yang pernah dikemukakan kepada JPA sebelum ini. KKM memohon supaya permohonan berkenaan dapat dipertimbangkan semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah urutan keutamaan kepada Malaysia Madani dan berapakah tempoh sasaran kepada urutan tersebut.

NO SOALAN: 47

JAWAPAN

DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengenalan Malaysia MADANI sebagai langkah mengangkat semula martabat negara bangsa Malaysia MADANI yang tertegak berteraskan prinsip kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

2. Pada awalnya, kerangka Malaysia MADANI dibina berdasarkan kepada analisis tematik manifesto setiap parti gabungan Kerajaan Perpaduan sewaktu program pemukiman anggota Jemaah Menteri yang berlangsung pada 15 Januari 2023. Hasil daripada pemukiman tersebut, konsep Malaysia MADANI sebagai tunjang dalam dasar negara diperkenalkan melalui pembentukan tiga (3) teras strategik Malaysia MADANI iaitu, Pertama: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara, Kedua: Reformasi Institusi; dan Ketiga: Tatakelola Menegakkan Keadilan Sosial.

3. Seterusnya, beberapa strategi utama bagi teras strategik pertama adalah seperti Kemampanan Fiskal, Memenuhi Keperluan Ekonomi Rakyat, Mendepani Musibah Bencana dan Meraih Pelaburan Berimpak Tinggi. Manakala bagi teras strategik kedua, strategi utama termasuklah Pembaharuan Sektor Awam, Memperkasa Kerjasama Awam-Swasta, Mengutama Agenda Digital, Memperkukuh Peranan Agensi dan Syarikat

Kerajaan. Bagi teras strategik ketiga, strategi utama adalah Menoktahkan Miskin Tegar, Meminimum Beban Sara Hidup, Menjamin Keharmonian dan Perpaduan serta Menyediakan Keperluan Asas Berkualiti.

4. Penggubalan semua dasar Kerajaan adalah berdasarkan kepada teras strategik di bawah Kerangka Membangun Malaysia MADANI yang mencakupi tiga (3) teras utama di atas dan turut bersandarkan kepada lima (5) dasar utama iaitu Rancangan Malaysia, Bajet Tahunan, Pelan Antirasuah dan Tatakelola, Maqasid Syariah dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

5. Selain itu, semua Kementerian, Jabatan dan Agensi amat komited dalam pelaksanaan projek-projek Ikhtiar Bitara MADANI sama ada dalam jangka pendek (kurang setahun), sederhana (setahun hingga dua tahun) mahupun jangka panjang (menjangkaui tiga hingga lima tahun).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha menarik minat belia untuk terlibat dalam politik dan pembangunan negara secara aktif.

NO SOALAN: 48

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) sedang membangunkan program khusus berhubung pendidikan demokrasi yang antara lain akan memberikan penekanan kepada aspek falsafah kenegaraan dan sistem demokrasi.

Program ini dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini dan sehingga kini pihak i-LEAD telah mengadakan sekurang-kurangnya tiga siri bengkel pembangunan modul melibatkan penyertaan agensi kerajaan berkaitan dan kumpulan pakar yang terdiri daripada ahli akademik, pemimpin belia dan pihak badan bukan kerajaan.

Di samping itu, KBS turut melaksanakan program Parlimen Belia Malaysia dengan hasrat untuk menarik minat golongan belia terhadap bidang politik. Program ini menjadi ruang penting kepada golongan belia untuk menyumbang idea dan menyuarakan pandangan terhadap isu-isu penting negara. Sejak tahun 2015 hingga 2022, seramai 424 Ahli Parlimen Belia telah dilahirkan daripada program ini dengan 14 persidangan dan 61 usul telah dibentangkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai insentif-insentif yang diberikan kepada pihak swasta bagi tujuan menubuhkan pusat-pusat penjagaan warga emas kos sederhana dan rendah

NO SOALAN: 49

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar yang memerlukan bantuan berteraskan kebajikan masyarakat. Sehubungan itu, dalam konteks Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), permohonan bantuan kewangan adalah terbuka kepada semua PSK yang memenuhi syarat-syarat, termasuk pusat jagaan warga emas.

2. Di antara syarat-syarat asas pertimbangan bantuan kewangan ialah PSK perlu berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) serta berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] bagi PSK yang menyediakan pusat jagaan berkediaman atau pusat jagaan harian.

3. Antara kategori PSK yang boleh dipertimbangkan bantuan kewangan Kerajaan ialah PSK yang menyediakan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak.

4. Tujuan pemberian bantuan kewangan kerajaan adalah untuk membantu meringankan sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Antara jenis-jenis Bantuan Kewangan Kerajaan yang disediakan ialah Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan.

5. Setiap pertimbangan kelulusan bantuan kewangan kerajaan turut mengambil kira kemampuan kewangan PSK dari segi jumlah aset semasa, pendapatan dan perbelanjaan PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

6. Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK wajar mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan sumber dengan mendapatkan dana lain bagi menampung kos tambahan operasi tanpa perlu bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan. Bantuan Kewangan Kerajaan adalah bersifat sementara dan bukan untuk memenuhi semua keperluan PSK tetapi hanya untuk meringankan tampungan kos dan diberikan kepada PSK yang layak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status COVID-19 di dalam dan luar negara dan adakah Negara masih lagi dibelenggu dengan wabak COVID-19 memandangkan keadaan seluruh dunia seolah-olah sudah pulih dari serangan wabak COVID-19.

NO SOALAN: 51

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak bermula pandemik COVID-19 sehingga 20 Mac 2023, jumlah kumulatif kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia adalah 5,047,494 kes yang meliputi 36,974 kes kematian. Manakala secara global sehingga 16 Mac 2023, sebanyak 760,360,956 kes baharu yang meliputi 6,873,477 kes kematian telah dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

2. Sejak Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2022 (ME 45/2022) sehingga ME 8/2023 (iaitu dari 6 November 2022 – 25 Februari 2023), terdapat *trend* penurunan pelaporan kes baharu dan kes kematian COVID-19 mingguan di Malaysia. Kes baharu COVID-19 telah menurun daripada 23,045 kes pada ME 45/2022 kepada 1,367 kes pada ME 8/2023, manakala kes kematian juga menurun daripada 53 kes kepada dua (2) kes sahaja pada ME 8/2023.

3. Sejak 18 Disember 2022, kes baharu COVID-19 harian telah menurun kepada tiga (3) angka, iaitu di antara 101 kes sehingga 984 kes dilaporkan sehari. Begitu juga, kes kematian harian telah menurun ke satu (1) angka bermula 25 Disember 2022, iaitu dari tiada sehingga sembilan (9) kes dilaporkan sehari.

4. *Trend* penurunan sebegini juga turut dilaporkan oleh negara-negara lain. Secara global, tren penurunan pelaporan kes baharu COVID-19 dapat dilihat sejak Disember 2022 dan tiada varian baharu SARS-CoV-2 yang boleh menyebabkan jangkitan yang serius dikesan kebelakangan ini seperti yang dilaporkan oleh WHO. Di samping itu, WHO juga memberikan gambaran awal bahawa status *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) bagi pandemik COVID-19 akan berakhir dalam masa terdekat.

5. Terkini, Republik Rakyat China telah menurunkan aras pengurusan COVID-19 daripada penyakit Kelas A kepada Kelas B, melonggarkan polisi *Zero-COVID* dan membuka sempadan negaranya pada 8 Januari 2023. Kemudian, Singapura juga telah beralih daripada kod *Disease Outbreak Response System Condition (DORSCON)* kuning kepada hijau bermula pada 13 Februari 2023. Manakala Amerika Syarikat pula dijangkakan akan mengakhiri darurat kesihatan awam mereka bagi wabak COVID-19 pada 11 Mei 2023.

6. Secara keseluruhannya, situasi penularan COVID-19 di Malaysia adalah terkawal dimana keadaan jangkitan harian COVID-19 dalam negara yang stabil, kadar vaksinasi dos primer dan dos penggalak pertama yang tinggi, serta kes-kes jangkitan yang teruk serta kadar *bed occupancy* di hospital yang rendah.

7. Meskipun Malaysia berjaya mengawal pandemik COVID-19, kita harus menerima hakikat dan bersedia serta mengambil langkah sewajarnya untuk hidup bersama virus ini. Langkah ini bagi membolehkan pelbagai sektor di dalam negara dapat beroperasi secara optimum dan kehidupan rakyat kembali seperti sedia kala

walaupun risiko jangkitan COVID-19 masih boleh berlaku. Rakyat juga perlu sentiasa melakukan kawalan kesihatan kendiri, memakai pelitup muka mengikut keperluan yang dikenal pasti dan mendapatkan vaksin seperti yang disyorkan oleh Kerajaan. Usaha untuk melakukan perubahan kepada tingkah laku dan mengamalkan tatacara kesihatan yang diperlukan secara bertanggungjawab oleh anggota masyarakat secara keseluruhannya, dapat memastikan negara melalui proses peralihan fasa yang seterusnya dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jemaah Menteri pada tahun 2019 telah menyatakan persetujuan terhadap kenyataan bekas Peguam Negara yang menyatakan rasa kesal terhadap tindakan Kerajaan untuk menghentikan bayaran pampasan tahunan kepada kumpulan Sulu.

NO SOALAN: 52

JAWAPAN

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surat bertarikh 19 September 2019 yang dikeluarkan oleh YBhg. Tan Sri Tommy Thomas (mantan Peguam Negara pada masa tersebut) kepada kumpulan Sulu tidak pernah mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri. Tindakan mantan Peguam Negara yang mengeluarkan surat yang mengandungi keputusannya sendiri tanpa kelulusan oleh Jemaah Menteri adalah bertentangan dengan prinsip keputusan kolektif yang diamalkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

a. kekesalan apabila kerajaan Malaysia menghentikan pembayaran tahunan kepada waris kesultanan Sulu;

b. tunggakan bayaran termasuk 10% faedah, di mana jumlah keseluruhannya berjumlah RM48,230; dan

c. tawaran untuk menjelaskan jumlah tertunggak "dengan segera" kepada pihak Penuntut sebagai pertukaran untuk menamatkan sebarang tindakan timbang tara.

2. Buat masa ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendirian untuk menjauhkan diri atau *"to disassociate itself"* daripada pengeluaran surat bertarikh 19.9.2019 tersebut dengan memilih untuk tidak mewakili mantan Peguam Negara dalam tindakan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Suit No. BKI-22NCVC-64/8-2022 (HC5) yang difailkan oleh 9 orang plaintif dari Sabah terhadap beliau.

3. Dalam hal ini, Jabatan Peguam Negara telah memfailkan permohonan untuk mencelah bagi pihak Kerajaan Malaysia, selain turut memohon untuk mendapatkan–

(i) perintah penggantungan prosiding; dan
(ii) perintah untuk menghalang mantan Peguam Negara daripada memberikan sebarang kenyataan atau komen berhubung prosiding timbang tara waris Kesultanan Sulu terhadap Kerajaan Malaysia.

4. Permohonan Kerajaan Malaysia untuk mencelah, mendapatkan perintah penggantungan dan perintah menghalang mantan Peguam Negara daripada memberikan sebarang kenyataan atau komen berhubung prosiding timbang tara tersebut telah pun dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 3.1.2023 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana komitmen pemegang taruh daripada pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET daripada 35% ke 55%.

NO SOALAN: 53

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi merealisasikan aspirasi negara untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang TVET, pihak pemegang taruh daripada industri turut memberikan komitmen membantu menjayakan usaha ini.

2. Antara komitmen yang telah diberikan oleh pihak industri dalam membantu usaha Kerajaan ini adalah:

   i. menyediakan insentif pembiayaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET seperti:

      a. Dermasiswa *My Brighter Future* – Yayasan Tenaga Nasional (MyBF-YTN) dengan kuota pembiayaan sebanyak 1,500 pelajar; dan
      b. Dermasiswa Yayasan Sime Darby (YSD) *Skill Enrichment Programme.*

   ii. bersama-sama dengan Kementerian mempromosi bidang TVET kepada pelajar lepasan SPM sewaktu sesi *outreach* di sekolah-sekolah.

iii. menjalankan pelbagai program intervensi bagi meningkatkan peratusan pelajar dalam bidang TVET. Antaranya, kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam pelbagai program intervensi seperti penggunaan portal *MyFutureJobs* dan karnival kerjaya.

iv. Melakukan pelaburan dengan membina fasiliti dan pusat penyelidikan, menjalankan operasi serta melatih pelajar di dalam kampus seperti yang dilakukan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan syarikat Farm Fresh Milk Sdn Bhd yang telah berjaya menjalinkan persefahaman dalam membangunkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Ladang Tenusu di Ladang 16, Pusat Pertanian Putra, UPM.

3. Secara keseluruhannya, kerjasama dan bantuan daripada pihak industri amat penting kepada bidang TVET di negara ini. Sumbangan-sumbangan ini sentiasa dipergiat bagi melonjakkan lagi pembangunan TVET dalam negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO DR. NUING JELUING**
TARIKH	**:**	**28 MAC 2023**

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Hospital Wilayah yang akan diwujudkan di Sarawak dan bilakah langkah ini akan bermula.

NO SOALAN: 54

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Perjanjian Malaysia 1963 awal tahun ini, KKM akan menaik taraf perkhidmatan kepakaran Hospital Miri dan Hospital Sibu setara dengan Hospital Umum Sarawak menjadikan keseluruhan 3 Hospital Wilayah (Negeri).

2. Untuk makluman, inisiatif menaik taraf kedua-dua hospital tersebut telah pun bermula, di mana:

   i. untuk Hospital Miri, blok tambahan sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Disember 2023. Ianya merangkumi perkhidmatan pesakit dalam 328 katil termasuk Unit Rawatan Rapi, perkhidmatan rawatan pesakit luar dan diagnostik seperti Jabatan Radiologi, Makmal Patologi; manakala; dan

   ii. untuk Hospital Sibu, permohonan untuk menyediakan ruang bagi pemasangan mesin MRI telah pun dikemukakan dalam RP4 2024. Buat masa ini KKM turut melaksanakan kajian untuk pembinaan blok klinikal tambahan baru yang akan dimohon dalam RMK akan datang sebagai perancangan jangka masa panjang.

3. Proses menaik taraf kedua-dua hospital ini akan dibuat secara berfasa sehingga mencapai tahap perkhidmatan Hospital Umum Sarawak, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan pembangunan dan sumber manusia.

Sekian, terima kasih.